

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Sunday, December 6, 2015 8:36 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: 104 PELAJAR BERJAYA MEMPEROLEH SIJIL PROFESSIONAL TAKAFUL DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DAN ETIQA TAKAFUL



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

6 DISEMBER 2015, AHAD | 24 SAFAR 1437H



104 PELAJAR BERJAYA MEMPEROLEH SIJIL PROFESSIONAL TAKAFUL



PUSAT PEMBANGUNAN KERJAYA: Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Etiqa Takaful telah menganjurkan *Takaful Career Development Programme* (TCDP) di peringkat Universiti Awam (UA) yang bermula dari 29 September 2015 dan berakhir pada 27 November 2015 yang lalu bertempat di beberapa buah lokasi seperti EDC UUM, Hotel Holiday Villa, Alor Star, Open University Malaysia Alor Star dan Sungai Petani khusus kepada pelajar dari pelbagai program pengajian yang terdapat di Universiti Utara Malaysia.

Melalui TCDP ini seramai 104 orang telah lulus *Takaful Basic Exam* (TBE) dan mereka juga berpeluang untuk menjalani latihan industri serta memulakan kerjaya sebagai perunding takaful dengan pihak Etiqa Takaful. Terdapat beberapa fasa yang perlu pelajar ikuti sebelum memperoleh TBE ini antaranya sesi motivasi kerjaya TCDP, Sesi Profailing LIMRA Test, Kursus Perundangan Takaful dan Peperiksaan TBE.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk meningkatkan pembangunan kemahiran insaniah graduan, memberi nilai tambah kepada graduan dan sekaligus pelajar dapat mengaplikasikan segala kemahiran insaniah ketika menghadiri program ini. Di samping itu, program ini juga dapat meningkatkan penglibatan industri dalam pembangunan kerjaya graduan.

Sekian.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4011

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

